



**Kenyataan Media
(Untuk Siaran Segera)
Isnin, 21 Disember 2015**

LEBUHRAYA LATAR EDAR 1,000 KAD TOUCH 'N GO PERCUMA BERNILAI RM10,000 SEMPENA HARI KRISMAS

KUALA LUMPUR – Bersempena dengan perayaan Krismas, Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR) akan mengedarkan seribu (1,000) kad Touch 'n Go percuma bernilai RM10,000 kepada para pengguna lebuhraya di laluan lorong tunai di semua plaza tol Lebuhraya LATAR pada hari **Jumaat, 25 Disember 2015 bermula jam 6.00 pagi sehingga kehabisan stok.**

Program ini merupakan salah satu daripada tanggungjawab sosial korporat Lebuhraya LATAR dan sebagai tanda penghargaan khasnya kepada para pengguna setia Lebuhraya LATAR di atas sokongan yang diberikan selama ini.

Pemberian Kad Touch 'n Go percuma tersebut bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai lagi pengguna untuk beralih kepada sistem pembayaran tol secara elektronik memandangkan pelaksanaan sistem bayaran tol secara elektronik (tanpa tunai), sama ada melalui penggunaan Touch 'n Go dan SmartTAG di semua lebuhraya di Malaysia akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun hadapan” kata En Ahmad Fuad Ahmad Shahimi, Ketua Pegawai Operasi Lebuhraya LATAR.

“Penggunaan kad Touch 'n Go atau SmartTAG semestinya akan memudahkan serta melancarkan perjalanan anda selain dapat mengelakkan daripada beratur panjang dan mengurangkan kesesakan di plaza tol terutama di lorong pembayaran tol secara tunai” akhiri beliau.

Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Surati Sujor (013-2660207) / Hairunnisa Kastolany (012-6881587).
